



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **OPS TIRIS 3.0 – KPDN MEMATAHKAN SINDIKET MENGGUNAKAN LORI UBAH SUAI UNTUK SELEWENG MINYAK DIESEL**

**PUTRAJAYA, 29 MEI 2024** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi menerusi OPS TIRIS 3.0 dalam satu serbuan yang dilakukan ke atas sebuah lori di sebuah stesen minyak di Jalan Jelapang, Ipoh, Perak pada 24 Mei 2024.

Serbuan dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa daripada KPDN Putrajaya yang bermula kira-kira jam 4.00 petang itu adalah hasil risikan yang telah dilakukan oleh pihak KPDN sebelum operasi dilaksanakan.

Hasil maklumat awal yang diperolehi, modus operandi sindiket ini ialah menggunakan lori yang diubahsuai dengan tangki tambahan dan mengisi minyak diesel di beberapa buah stesen minyak sebelum minyak diesel tersebut dikumpulkan dan diedarkan di pasaran gelap.

Serbuan dilakukan setelah melihat lori tersebut sedang mengisi minyak diesel dalam keadaan yang mencurigakan dan dalam tempoh yang lama di stesen minyak tersebut.

Hasil pemeriksaan lanjut ke atas keseluruhan lori itu, pasukan serbuan telah menemukan minyak diesel dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 1,700 liter di dalam sebuah tangki tambahan di dalam ruangan muatan lori tersebut yang bersambung dengan tangki asal kenderaan itu selain beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan minyak diesel.

Sebuah lori berserta tangki tambahan yang mengandungi minyak diesel, hos paip, motor pam dan beberapa dokumen berkaitan serta peralatan-peralatan lain yang ditemui dalam lori tersebut telah disita bagi tujuan siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM23,655.00.

Seorang lelaki warga tempatan berumur 41 tahun yang juga merupakan pemandu lori berkenaan telah ditahan bagi membantu siasatan.

Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenalpasti individu/syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti ini serta rantaian pengedaran minyak diesel tersebut.

KPDN memberi amaran keras ke atas mana-mana individu/syarikat yang berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak diesel.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDM iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDM.

**DATUK AZMAN BIN ADAM**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**